

Sukan Para ASEAN

Penangguhan ganggu persiapan atlet

Kuala Lumpur: Penganjuran Sukan Para ASEAN 2020 di Filipina yang ditangguhkan daripada 18 hingga 25 Januari ini kepada Mac, diakui mengganggu persiapan akhir kontinjen para negara.

Temasya dwitahunan itu ditunda selepas Suruhanjaya Sukan Filipina (PSC) mengakui tidak mempunyai dana mencukupi untuk menganjurkan temasya berkenaan bulan depan.

Bagi Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara (MSN), Datuk Ahmad Shapawi Ismail, pengumuman itu sememangnya memberi kesan kepada persiapan atlet terutamanya daripada sudut psikologi, suaian fizikal (conditioning) dan juga perancangan masa latihan.

“Bukan kita saja, tetapi semua negara yang menyertai terbabit. Sudah tentu terganggu... daripada sudut psikologi, suaian fizikal, semuanya akan diambilkira untuk kita mempersiapkan atlet bagi menghadapi pertandingan pada Mac ini.

“Selepas itu kita perlu melakukan suaian semula menghadapi temasya pada Mac nanti. Kami juga akan berbincang dengan jurulatih dan dapatkan pandangan daripada pakar ISN (Institut Sukan Negara), suaian dan psikologi untuk membantu,” kata Ahmad Shapawi selepas majlis menandatangi memorandum perjanjian projek perkhidmatan penambahaikan sistem Igames antara MSN dan Universiti Putra Malaysia (UPM), di sini, semalam.